



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *LUNA LIGHTS WONDERLAND*

TARIKH / MASA / TEMPAT  
7 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)

**7.40 MALAM**

**UPCYCLE PARK  
BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan

**His Excellency Rashada Jiwala**

Consul-General

Royal Thai Consulate-General

**Mr. Piyapan Atipatya**

Consul

Royal Thai Consulate-General

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Mark Tan**

Founder / Director of Luna Lights Wonderland

**Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari**

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

**Para Penduduk Bandar Perda**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian *Luna Lights Wonderland* yang julung-julung kali diadakan di *Upcycle Park*, Bandar Perda. Program ini adalah anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Red Bear Global, sebuah syarikat pengajur acara atau program yang terkemuka di Malaysia.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan, serta semua yang hadir kerana meluangkan masa pada malam ini untuk memeriahkan suasana di Upcycle Park ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) amat komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya

supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen MBSP ialah untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan *Penang 2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar. Oleh itu, program-program yang diselitkan juga mempunyai nafas baru seperti program pada hari ini yang berorientasikan keluarga (family oriented programme) serta menggunakan teknologi pencahayaan lampu LED yang lebih mesra alam serta tidak melepaskan gas karbon dioksida.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

*Upcycle Park* ini merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barang dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik,

basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi. Komponen-komponen disediakan di sini adalah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai.

Taman ini dirasmikan pada 10 Mac 2018 lalu oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai “*The First Organisation To Develop Upcycle Park*”. *Upcycle Park* bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*. Taman ini memberi manfaat kepada lebih 20,500 penduduk di kawasan sekitar serta kawasan perniagaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Projek ini dibuat pada kos yang paling minimum iaitu hanya kos mengecat di atas laluan trek *jogging*. Para hadirin sekalian boleh melihat perabot-perabot taman yang diperbuat daripada bahan-bahan kitar semula antaranya arca dan bangku taman daripada batang pokok kayu yang ditebang, kayu *palette* dan tayar terpakai, manakala plaza berlantai “*Interlocking Brick*” diperbuat daripada sisa binaan yang diproses semula.

*Orange warriors* MBSP adalah kakitangan yang terbabit secara langsung dalam pembuatan barang *upcycle* yang dipamerkan di taman ini.

MBSP telah merangka dan melaksanakan beberapa pembangunan di *Upcycle Park* ini, antaranya:-

#### 1. Dataran Perkahwinan

Ini melibatkan Kerja-kerja Landskap Kejur (Dataran Serbaguna) *Upcycle Park* dengan kos sebanyak RM 49,560.00. Program ini telah dimulakan pada 17 April 2019 dan disiapkan pada 21 Mei 2019. Antara kemudahan yang disediakan di dataran ini adalah Pintu-Pintu Gerbang (*Love*), penanaman pokok *shrub* dan kerja-kerja mengecat tembok.

#### 2. Projek Pencahayaan *Upcycle Park*

Projek ini telah dimulakan pada 16 Mei 2019 dan disiapkan pada 6 Ogos 2019. Kos projek berjumlah RM189,917.40 melibatkan:-

- i. Pemasangan lampu jenis “*Twinkle warm white Flasher light LED*” yang dipasang pada 21 batang pokok di jalan besar dan 15 batang pokok yang terdapat dalam kawasan Upcycle Park.
- ii. Lampu jenis gantung jenis “*Icicle twinkle Flasher light LED*” yang dipasang berhadapan pintu gerbang Upcycle Park.
- iii. Lampu jenis *LED flex neon light* yang di pasang pada keliling rangka bagi pintu gerbang Upcycle Park dan hiasan bunga yang digantung di pokok.

Dengan adanya pencahayaan di taman ini, maka kawasan yang pada satu masa gelap dan sunyi telah menjadi ceria dan meriah dengan pelbagai aktiviti riadah masyarakat setempat.

### 3. Tapak “Food Truck”

Tapak ini telah mula beroperasi pada 30 Ogos 2019 dengan masa operasi dari 7.00 hingga 12.00 tengah malam. Sebanyak 15 buah *food truck* beroperasi setiap malam. Ianya menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development (LED)*.

#### 4. Membuat Transformasi Parit Monsun

Transformasi parit monsun bersebelah MBSP berkonsepkan *low hanging community project* yang bertujuan memupuk dan mempromosikan persekitaran hidup yang sihat dalam memelihara dan menghargai flora dan fauna. Program ini dipacu oleh pihak Pengurusan dan Profesional MBSP yang telah menaja 300 ikan koi yang dilepaskan ke dalam parit pada 17 September 2019. Ianya adalah “*community fish aquarium*” untuk masyarakat setempat sebagai satu lokasi riadah santai dan terapi minda kepada.

MPSP menyediakan taman awam ini berserta kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan-kemudahan awam dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Dan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

*Luna Lights Wonderworld 2020* merupakan satu acara pesta lampu LED terbesar di Malaysia hasil usaha Red Bear Global yang dipimpin oleh Encik Mark Tan. Program *Luna Lights Wonderworld 2020* diadakan bersempena dengan “Visit Truly Asia Malaysia 2020” dan merupakan “one of its kind showcase” di Malaysia. Sebanyak 12 lokasi telah dikenalpasti di Malaysia dan dimulakan di Anjung Floria, Putrajaya dalam bulan Oktober 2019. Pulau Pinang merupakan lokasi yang ke empat penganjuran program ini iaitu di *Upcycle Park*, Bandar Perda.

Program ini merupakan satu program pelancongan berkualiti yang meningkatkan kesedaran para pelancong serta pengunjung tempatan. Ianya berupaya mengubah taman ini menjadi tempat yang fotogenik bagi para pengunjung dan keluarga serta menggalakkan suasana ceria dan sihat, dan memberi ruang untuk para pengunjung mengambil gambar *selfie* dan *wefie* bersama keluarga dan rakan-rakan.

Program *Luna Lights Wonderworld 2020* di *Upcycle Park*, Bandar Perda bermula pada hari dan akan berterusan selama 17 hari, iaitu sehingga 23 Februari 2020. Ianya beroperasi bermula 7.00 petang

sehingga 12.00 tengah malam. Di antara acara-acara kemuncak yang terdapat dan dipamerkan di sini adalah:-

- Maskot monyet tertinggi di Malaysia yang mencapai ketinggian 11.5 meter;
- Penggunaan 680,000 lampu kelip-kelip;
- Lima (5) acara pencorakkan cahaya dan empat (4) tema reka bentuk berbahaya;
- “Tree of Light” di mana 20 batang pokok dihias dengan lampu kelip-kelip;
- Terowong lampu LED sepanjang 50 meter;
- Terowong Bintang sepanjang 50 meter;
- Terowong tiga segi sepanjang 65 meter;
- Blue Ocean Sampan;
- Dan banyak lagi

Bayaran masuk yang dikenakan adalah agak berpatutan iaitu RM8.00 untuk dewasa dan RM4.00 untuk kanak-kanak. Selain itu, para pengunjung

juga boleh menikmati makanan dan minuman yang dijual di Tapak Food Truck berhampiran sambil melihat ikan di parit monsun bersebelahan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program ini menepati hasrat dan Wawasan Negeri Pulau Pinang iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga) yang merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat civil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman-taman ini dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga iaanya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai reruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin yang juga merupakan Adun Seberang Jaya yang telah banyak memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Red Bear Global, badan-badan korporat dan warga Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu dan menyokong usaha-usaha MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP. Saya berharap kerjasama ini tidak hanya setakat ini bahkan akan lebih melimpah ruah pada masa-masa akan datang.

Sekian ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum***  
***Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**